

22 Julai 2024
Kenyataan Media

NOMBOR PENGENALAN CUKAI (TIN) DIPERLUKAN UNTUK TEMUJANJI PEMERIKSAAN KENDERAAN DI PUSPAKOM

Shah Alam, 22 Julai 2024 – PUSPAKOM ingin memaklumkan kepada semua pelanggan mengenai keperluan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) untuk sebarang transaksi pembayaran atas talian MyPUSPAKOM dan di semua cawangan PUSPAKOM bermula 25 Julai 2024. Ini adalah selaras dengan penguatkuasaan sistem invois elektronik atau e-invois oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Langkah ini bertujuan untuk menyelaraskan dan meningkatkan sistem percukaian negara serta menggalakkan ketelusan dalam urusan kewangan dan percukaian.

Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

Pelanggan Korporat

- Nombor Pengenalan Cukai (TIN)
- No Pendaftaran Syarikat
- Nombor SST

Pelanggan Individu

- Nombor Kad Pengenalan
- Nombor Pengenalan Cukai (TIN)

PUSPAKOM menyarankan semua pelanggan untuk memastikan mereka mempunyai Nombor Pengenalan Cukai (TIN) sebelum membuat temujanji di www.mypuspakom.com.my . Maklumat ini adalah penting untuk memastikan setiap transaksi pembayaran dapat diproses dengan betul dan efisien oleh PUSPAKOM dan LHDN.

Sistem e-invois ini bukan sahaja akan menangani isu ketirisan hasil, tetapi turut memberikan penilaian risiko pematuhan yang lebih tepat. Langkah ini merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan untuk memacu kemampuan ekonomi dan ketelusan dalam percukaian negara.

Untuk maklumat lanjut, pelanggan boleh menghubungi pusat khidmat pelanggan PUSPAKOM di talian 03-5101 7000 atau ikuti Facebook PUSPAKOM Sdn. Bhd. untuk maklumat terkini.

#